KOMPILASI EMAS ULAMA' TERULUNG

Zikir Menggunakan Biji Tasbih Bukan Bid'ah

المنحة في السبحة

Penulis:
Imam Al-Hafiz Jalaluddin As-Suyuthi

Penterjemah:
Muhammad Afiq Fakhri bin Rashid
Mohd Zamri bin Mustafa

Penyemak:
Abu Abd. Rahman Al-Azhari

بسم الله الرحمن الرحيم

PENDAHULUAN PENTERJEMAH 1

الحمد لله رب العالمين, والصلاة والسلام على سيد المرسلين. وعلى آله وأصحابه ومن تبعهم بإحسان إلى يوم الدين, أما بعد,

Alhamdulillah, segala puji-pujian dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat disiapkan terjemahan sebuah tajuk daripada kitab *"Rasail Hamah Wa mabahis Qayyimah"*, iaitu "Tasbih".

Buku ini merupakan terjemahan daripada karangan Imam Al-Hafiz Jalaluddin As-Suyuthi[1]. Beliau merupakan ahli hadis dan Ulama yang masyhur. Beliau dilahirkan selepas Maghrib, malam Ahad bersamaan bulan Rejab pada tahun 849 H. Ketika kecil lagi kehebatannya telah terserlah. Beliau telah menghafal Al-Quran ketika kecil lagi. Selain itu, beliau telah menghafal kitab-kitab lain seperti "'Umdah[2]", Minhaj Al-

[1] Abdul Rahman bin Al-Kamal Abi Bakar bin Muhammad bin Sabiquddin bin Al-Fakhr 'Uthman bin Nazhiruddin Muhammad bin Saifuddin Khadr bin Najmuddin Abi As-Shalah Ayyub bin Nashiruddin Muhammad bin As-Syeikh Hammamuddin Al- Hammam Al-Khudairi Al-Assuyuthi.

[2] "Umdatul Ahkam" Imam Ibn Daqiq Al-'Aid, meninggal dunia pada tahun 702H

Fiqh[3]", "Al-Usul[4]" dan "Alfiyyah Ibn Malik[5]". Beliau telah wafat pada malam Jumaat 19 Jamadilawal 911H.

Buku ini diterjemahkan untuk menerangkan kembali kepada masyarakat umum mengenai tasbih dan penggunaan tasbih. Penulis menerangkan kepada kita dengan isi yang begitu padat melalui hadis-hadis dan kata-kata para sahabat. Ini menunjukkan bahawa tasbih adalah bukan satu ibadah rekaan yang dianggap salah.

Penterjemah mengucapkan jutaan terima kasih terutama kepada guru dan pembimbingnya iaitu Ustaz Muhammad Aidil Azwal bin Zainudin, para sahabat serta kepada semua pihak yang terlibat dalam terjemahan ini.

Muhammad Afiq Fakhri Abd Rashid

Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir.

[3] "Minhaj Al- Fiqh" Imam An–Nawawi, meninggal dunia pada tahun 676H

[4] "Minhaj Al-Wushul ila 'ilmi Al-Usul" Imam Al-Baidhawi, meninggal dunia pada tahun 685H.

[5] Dikarang oleh Imam Abu Abdullah Jamaluddin Muhammad bin Malik, meningal dunia pada tahun 672H di Damsyik.

PENDAHULUAN PENTERJEMAH 2

Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam, Tuhan yang bertasbih kepada-Nya segala apa yang di langit dan bumi. Maha Suci Allah yang telah menghidupkan apa yang mati dan mematikan apa yang hidup. Selawat dan salam yang berterusan kepada Penghulu segala nabi dan rasul, yang diutus sebagai penyampai berita gembira dan peringatan, seterusnya kepada ahli keluarga Baginda dan kepada para sahabat seluruhnya.

Firman Allah taala yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman, berzikirlah kepada Allah dengan sebanyak-banyak zikir. Dan bertasbihlah kepada-Nya pada waktu pagi dan petang." (surah al-Ahzab ayat 41-42)

Sabda Nabi ﷺ:

"*Perumpamaan orang yang mengingati Allah dengan orang yang tidak mengingati-Nya adalah seumpama orang yang hidup dengan orang yang mati."* (hadis riwayat al-Bukhari)

Zikrullah merupakan satu perkara yang akan mengangkat martabat seseorang di sisi Allah SWT. Pada *zikrullah* itu terdapat seribu satu kelebihan, dengannya hati yang keras akan menjadi lembut dan dengan *zikrullah* jugalah seseorang itu akan merasa tenang. Ayat al-Quran dan hadis yang menunjukkan kedudukan zikir dan kelebihannya terlalu banyak, namun begitu masih ramai yang masih berada di dalam keadaan lalai daripada mengingati Allah sedangkan kita semua akan kembali kepada Dia Yang Maha Esa.

Hamba-hamba Allah yang soleh sentiasa memperbanyakkan zikir kepada Allah sama ada dengan cara bertasbih, tahmid, tahlil dan sebagainya dan ada juga yang mengingati Allah dengan cara memikirkan kehebatan ciptaan Allah. Tasbih merupakan salah satu alat yang telah digunakan untuk membantu seseorang itu untuk memperbanyak zikir kepada Allah, akan tetapi terdapat golongan yang mempertikai penggunaan tasbih yang telah bermasyarakat di dalam umat Islam secara umumnya.

Di dalam risalah ini Imam Suyuti telah membicarakan beberapa perkara mengenai penggunaan tasbih, adakah perkara ini adalah benda baru yang direka-reka atau bagaimana? Kita

akan dapat melihat bahawa mengira zikir mengguna alat bukanlah satu perkara baru yang baru wujud pada zaman kebelakangan ini, namun perkara tersebut telah lama digunakan sejak zaman awal Islam lagi.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada guru kami Tuan Guru Syeikh Nuruddin al-Banjari yang telah banyak mendidik kami. Seterusnya jutaan terima kasih kepada Ustaz Muhammad Aidil Azwal bin Zainudin yang telah banyak memberi tunjuk ajar serta bimbingan kepada kami dalam menyiapkan terjemahan ini dan tidak dilupakan kepada sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam kerja ini. Diharapkan khazanah ilmu Islam akan terus terpelihara dan moga-moga risalah kecil ini mendapat perhatian daripada Yang Maha Esa serta dapat memberi manfaat di dunia dan akhirat.

Wallahu 'alam.

Mohd Zamri Bin Mustafa

Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir.

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله ، وسلام على عباده الذين اصطفى ، وبعد : فقد طال السؤال عن السبحة هل لها أصل فى السنة ، فجمعت فيها هذا الجزء متتبعا فيه ما ورد فيها من الأحاديث والآثار ، والله المستعان .

أخرج ابن أبى شيبة وأبو داود والترمذى والنسائى والحاكم وصححه عن ابن عمرو قال : رأيت النبي ﷺ يعقد التسبيح بيده .

وأخرج ابن أبى شيبة وأبو داود والترمذى والحاكم عن يسيرة – وكانت من المهاجرات – قالت : قال رسول الله ﷺ : عليكن بالتسبيح والتهليل والتقديس ولا تغفلن فتنسين التوحيد واعقدن بالأنامل فإنهن مسئولات ومستنطقات .

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله ، وسلام على عباده الذين اصطفى، وبعد:

Telah timbul banyak persoalan mengenai tasbih, adakah ada baginya dalil dari *as-Sunnah*? Maka aku himpunkan berkenaannya pada juzuk' ini[1] dengan disertakan di dalamnya hadis-hadis dan athar-athar[2]. Allahlah jua tempat memohon pertolongan.

Telah meriwayatkan Ibnu Abi Syaibah, Abu Daud, at-Tirmizi, an-Nasai, al-Hakim –dan beliau mengatakan hadis ini Sahih[3]-, daripada Ibnu 'Amr ﵁ beliau berkata: *"Aku melihat Nabi ﷺ menghitung tasbih dengan menggunakan tangan baginda".*

Ibnu Abi Syaibah, Abu Daud, at-Tirmizi dan al-Hakim telah meriwayatkan daripada Yusairah –dan beliau adalah salah seorang daripada wanita *muhajirin*- beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda: *Hendaklah kamu semua sentiasa dengan tasbih, tahlil dan mentaqdiskan[4], janganlah kalian lalai yang akan menyebabkan kalian melupakan tauhid[5]. Hitunglah dengan jari-jari kerana mereka itu (jari-jari) akan ditanya dan akan bercakap (pada hari kiamat).*

وأخرج الترمذى والحاكم والطبرانى عن صفية قالت : دخل علي رسول الله وبين يدي أربعة آلاف نواة أسبح بهن فقال : ما هذا يا بنت حي ؟ قلت : أسبح بهن قال : قد سبحت منذ قمت على رأسك أكثر من هذا قلت : علمنى يا رسول الله قال : قولى : سبحان الله عدد ما خلق من شيء ، صحيح أيضا .

وأخرج أبو داود والترمذى وحسنه والنسائى وابن ماجه وابن حبان والحاكم وصححه عن سعيد بن أبى وقاص أنه دخل مع النبي ﷺ على امرأة وبين يديها نوى أو حصى تسبح فقال : أخبرك بما هو أيسر عليك من هذا وأفضل ؟ قولى

Telah meriwayatkan at-Tirmizi, al-Hakim dan at-Tabrani daripada Sofiah ﵂[6], beliau berkata: "(Satu hari) Rasulullah ﷺ datang kepadaku dan di tanganku ada empat ribu biji kurma yang aku bertasbih menggunakannya, maka baginda bersabda: *Apakah benda ini wahai anak perempuan kepada Huyai?* Lalu aku berkata: Benda inilah yang aku gunakan untuk bertasbih. Baginda kemudian bersabda: *Sesungguhnya aku telah bertasbih sejak daripada aku meninggalkan kamu tadi lebih daripada ini.* Kemudian aku berkata: Ajarkan aku, wahai Rasulullah. Baginda bersabda: *Sebutlah; Maha Suci bagi Allah sebanyak bilangan apa Dia ciptakan daripada sesuatu"*[7]. Hadis ini adalah sahih.

Telah meriwayatkan Abu Daud, at-Tirmizi –dan beliau mengatakan hadis ini hasan[8]-, an-Nasai, Ibnu Majah, Ibnu Hibban, al-Hakim –dan beliau mengatakannya sahih- daripada Sa'id Bin Abi Waqas ﵁ bahawasanya dia telah bersama Rasulullah ﷺ bertemu seorang perempuan sedangkan di tangan perempuan tersebut terdapat biji kurma atau biji batu dan dia sedang bertasbih. Baginda kemudian bersabda: *Adakah kamu mahu aku beritahukan kepadamu dengan apa yang lebih ringan daripada ini dan lebih baik? Sebutlah;*

سبحان الله عدد ما خلق فى السماء ، سبحان الله عدد ما خلق فى الأرض ، سبحان الله عدد ما بين ذلك ، سبحان الله عدد ما خلق ، الله أكبر مثل ذلك والحمد لله مثل ذلك ولا إله إلا الله مثل ذلك ولا قوة إلا بالله مثل ذلك .

وفى جزء هلال الحفار ، ومعجم الصحابة للبغوى ، وتاريخ ابن عساكر من طريق معتمر بن سليمان عن أبي بن كعب عن جده بقية عن أبى صفية مولى النبي ﷺ أنه كان يوضع له نطع ويجاء بزنبيل فيه حصى تسبح به إلى نصف النهار ثم يرفع فإذا صلى الأولى أتى به فيسبح به حتى يمسى ،

Maha Suci bagi Allah sebanyak apa yang ada diciptakan di langit, Maha Suci bagi Allah sebanyak bilangan apa yang diciptakan di bumi, Maha Suci bagi Allah sebanyak apa antara keduanya, Maha Suci bagi Allah sebanyak apa yang Dia ciptakan, Allah Maha Besar seumpama bilangan yang tadi, segala puji bagi Allah sebanyak bilangan yang tadi, tiada Tuhan melainkan Allah sebanyak bilangan yang tadi dan tidak ada upaya dan kekuatan melainkan daripada Allah seumpama bilangan yang tadi.

Diriwayatkan di dalam kitab *juz'* Hilal al-Hufar, *Mu'jam as-Sahabah* karangan al-Baghawi, *Tarikh* Ibni 'Asakir daripada jalur Mu'tamir bin Sulaiman, daripada Ubai bin Ka'ab, daripada datuknya Baqiyah, daripada Abu Sofiah hamba Nabi ﷺ bahawasanya telah dihamparkan kepadanya satu hamparan dan diberikan kepadanya sebuah bakul yang di dalamnya biji-biji batu dan beliau bertasbih menggunakannya sehingga ke tengah hari, kemudian bekas tersebut diangkat. Setelah beliau sembahyang zuhur, bekas tersebut diberikan semula dan beliau bertasbih menggunakannya sampai ke petang.

وأخرجه الإمام أحمد فى الزهد : ثنا عفان ثنا عبد الواحد بن زياد عن يونس بن عبيد عن أمه قالت : رأيت أبا صفية – رجل من أصحاب النبي ﷺ وكان جارنا – قالت : فكان يسبح بالحصى .

وأخرج ابن سعد عن حكيم بن الديلمى أن سعد بن أبى وقاص كان يسبح بالحصى ، وأخرج ابن أبى شيبة فى المصنف عن مولاة لسعد أن سعدا كان يسبح بالحصى أو النوى .

وقال ابن سعد فى الطبقات : أنا عبيد الله بن موسى أنا إسرائيل عن جابر عن امرأة حدثته عن فاطمة بنت الحسين بن علي بن أبى طالب أنها كانت تسبح بخيط معقود فيها .

Imam Ahmad telah meriwayatkan di dalam kitab "*az-Zuhd*": telah meriwayatkan kepada kami 'Affan: telah meriwayatkan kepada kami Abdul Wahid bin Ziad daripada Yunus bin Ubaid, daripada ibunya beliau berkata: Aku telah memerhatikan Abu Sofiah –beliau (Abu Sofiah) adalah salah seorang sahabat Nabi ﷺ dan dia merupakan jiran kami- beliau berkata lagi: dia sentiasa bertasbih menggunakan batu.

Ibnu Sa'ad meriwayatkan daripada Hakim bin ad-Dailami bahawasanya Sa'ad bin Abi Waqas رضي الله عنه bertasbih menggunakan batu, juga telah meriwayatkan Ibnu Abi Syaibah di dalam "*al-Musannaf*" daripada hamba Sa'ad bahawasanya beliau bertasbih menggunakan batu atau biji-bijian.

Ibnu Sa'ad menyebutkan di dalam "*at-Tobaqot*": telah meriwayatkan kepada kami Ubaidillah bin Musa: telah meriwayatkan kepada kami Israil daripada Jabir, daripada seorang perempuan yang telah meriwayatkan kepadanya daripada Fatimah binti al-Husain bin Ali bin Abi Talib[9] رضي الله عنها bahawa beliau (Fatimah) bertasbih menggunakan benang yang disimpulkan.

وأخرج عبد الله بن الإمام أحمد فى زوائد الزهد من طريق نعيم بن محرز بن أبى هريرة عن جده أبى هريرة أنه كان له خيط فيه ألف عقدة فلا ينام حتى يسبح به .

وأخرج أحمد فى الزهد : ثنا مسكين بن نكير أنا ثابت بن عجلان عن القاسم بن عبد الرحمن قال : كان لأبى الدرداء نوى من نوى العجوة فى كيس فكان إذا صلى الغداة أخرجهن واحدة واحدة يسبح بهن حتى ينفدن .

Abdullah Bin Imam Ahmad meriwayatkan di dalam *"zawaid az-Zuhd"* daripada jalur Nu'aim Bin Mahraz Bin Abi Hurairah, daripada datuknya Abu Hurairah[10] ﷺ bahawasanya beliau memiliki untaian benang yang ada padanya seribu simpulan, beliau tidak akan tidur malam kecuali setelah beliau bertasbih dengannya.

Imam Ahmad meriwayatkan di dalam *"az-Zuhd"*: telah meriwayatkan kepada kami Miskin bin Nakir: telah meriwayatkan kepada kami Sabit bin 'Ajlan daripada al-Qasim bin Abdil Rahman beliau berkata: Abu ad-Darda'[11] ﷺ memiliki biji-bijian daripada kurma *'Ajwah* yang berada di dalam bekas, maka apabila dia telah selesai solat Subuh beliau akan keluarkan biji-biji tersebut satu-persatu untuk bertasbih dengannya sehingga ia habis.

وأخرج ابن سعد عن أبى هريرة أنه كان يسبح بالنوى المجزع ، وقال الديلمى فى مسند الفردوس : أنا عيدروس بن عبد الله ، أنا أبو عبد الله الحسين بن فتحويه الثقفى ، ثنا علي بن محمد بن نصرويه ، ثنا محمد بن هرون بن عيسى بن المنصور الهاشمى ، حدثنى محمد بن علي بن حمزة العلوى ، حدثنى عبد الصمد بن موسى ، حدثتنى زينب بنت سليمان بن علي ، حدثتنى أم الحسن بنت جعفر بن الحسن عن أبيها عن جدها عن على مرفوعا نعم المذكر السبحة .

Ibnu Sa'ad meriwayatkan daripada Abu Hurairah ﷺ bahawa beliau bertasbih menggunakan biji kurma yang berwarna hitam dan putih[12]. Ad-Dailami menyebutkan di dalam *Musnad al-Firdaus*: telah meriwayatkan kepada kami Idrus Bin Abdillah: telah meriwayatkan kepada kami Abu Abdillah al-Husain Bin Fathawaih as-Shaqofi: telah meriwayatkan kepada kami Ali bin Muhammad bin Nasrawaih: Telah meriwayatkan kepada kami Muhammad bin Harun bin Isa bin al-Mansur al-Hasyimi: Telah meriwayatkan kepadaku Muhammad bin Ali bin Hamzah al-Alawi: Telah meriwayatkan kepadaku Abdul Somad bin Musa: Telah meriwayatkan kepadaku Zainab binti Sulaiman bin Ali, telah meriwayatkan kepadaku Ummul Hasan binti Jaafar bin al-Hasan daripada bapanya daripada datuknya daripada Ali secara *marfu'*[13]: *"Sebaik-baik pengingat adalah tasbih".*

وأخرج ابن أبى شيبة عن أبى سعيد الخدرى أنه كان يسبح بالحصى، وأخرج من طريق أبى نضرة عن رجل من الطفاوة قال : نزلت على إبراهيم ومعه كيس فيه حصى أو نوى فيسبح به حتى ينفد ، وأخرج عن زاذان قال : أخذت من أم يعفور تسابيح لها فلما أتيت عليا قال : اردد على أم يعفور تسابيحها .

ثم رأيت فى كتاب تحفة العباد ومصنف متأخر عاصر الجلال البلقينى – فصلا حسنا فى السبحة قال فيه مانصه : قال بعض العلماء : عقد التسبيح بالأنامل أفضل من السبحة لحديث ابن عمرو ولكن يقال إن المسبح إن آمن من الغلط كان عقده بالأنامل أفضل وإلا فالسبحة أولى .

Ibnu Abi Syaibah telah meriwayatkan daripada Abu Sa'id al-Khudri[14] ﷺ bahawa beliau bertasbih menggunakan batu. Juga diriwayatkan daripada jalur Abu Nadrah daripada seorang lelaki yang berasal daripada *at-Towafah* beliau berkata: (Satu hari) aku datang kepada Ibrahim[15] dan ada bersamanya satu bungkusan yang mengandungi batu dan biji-bijian yang dia bertasbih menggunakannya sehingga ia habis. Diriwayatkan daripada Zazan beliau berkata: "aku telah mengambil tasbih-tasbih milik Ummu Ya'fur maka ketika aku datang menemui Ali dia berkata: *kembalikan kepada Ummu Ya'fur tasbih miliknya*.

Kemudian aku telah melihat di dalam kitab *"Tuhfah al-Ibad"* dan pengarang mutakhir dan sezaman iaitu al-Jalal al-Bulqini[16] satu bahagian perbincangan yang cukup baik mengenai tasbih, beliau berkata di dalamnya seperti mana yang telah dinyatakan: telah berkata sebahagian ulama: menghitung tasbih menggunakan jari lebih afdal daripada menggunakan tasbih berdasarkan hadis Ibnu 'Amr[17], akan tetapi dikatakan sebegitu jika orang yang bertasbih merasa aman daripada kesilapan maka menghitung tasbih menggunakan jari adalah lebih afdal, dan sekiranya tidak demikian maka menggunakan tasbih lebih utama.

وقد اتخذ السبحة سادات يشار إليهم ويؤخذ عنهم ويعتمد عليهم كأبى هريرة ﷺ كان له خيط فيه ألف عقدة فكان لا ينام حتى يسبح به ثنتى عشرة ألف تسبيحة قاله عكرمة ، وفى سنن أبى داود من حديث أبى نضرة الغفارى قال : حدثنى شيخ من طفاوة قال : تثويت أبا هريرة بالمدينة فلم أر رجلا أشد تشميرا ولا أقوم على ضيفه منه قال : فبينما أنا عنده يوما وهو على سرير له ومعه كيس فيه حصى أو نوى وأسفل منه جارية سوداء وهو يسبح بها حتى إذا انفد ما فى الكيس ألقاه إليها فأعادته فى الكيس فدفعته إليه يسبح – قوله تثويت أى تضيفته ونزلت فى منزله – والمثوى المنزل وقيل : كان أبو هريرة ﷺ يسبح بالنوى المجزع – يعنى الذى حك بعضه حتى ابيض شيء منه وترك الباقى على لونه وكل ما فيه سواد وبياض فهو مجزع – قاله أهل اللغة .

Sesungguhnya Alim Ulama yang terkenal dan diambil ilmu-ilmu mereka serta dijadikan panduan menggunakan tasbih seperti Abu Hurairah ﵁, beliau memiliki untaian benang yang ada padanya seribu simpulan dan beliau tidak akan tidur sehinggalah beliau selesai bertasbih menggunakannya sebanyak 12 ribu kali tasbih –perkara ini telah disebutkan oleh Ikrimah. Di dalam *Sunan* Abi Daud diriwayatkan daripada hadis Nadhrah al-Ghifari beliau berkata: telah menceritakan kepada aku seorang *syeikh* daripada *Tofawah* dia berkata: "(Satu hari) aku menjadi tetamu kepada Abu Hurairah ﵁ di Madinah, maka aku tidak pernah melihat seorang lelaki yang paling ringan tulang dan paling berkhidmat kepada tetamu lebih daripadanya". Dia bercerita lagi: "Maka pada suatu hari ketika aku bersama dengannya dan dia ketika itu berada di atas tempat tidurnya, terdapat bersamanya satu bungkusan yang ada di dalamnya batu serta biji-bijian dan di bawahnya ada seorang hamba perempuan berkulit hitam (jariah). Beliau akan bertasbih menggunakan biji-bijian tersebut sehinggalah habis apa yang berada di dalam bekas tersebut beliau berikannya kepada jariah itu dan dia akan kembalikan benda-benda tersebut di dalam bekas itu, kemudian jariah akan memberikannya kepada beliau untuk beliau bertasbih dengannya".

وذكر الحافظ عبد الغنى فى الكمال فى ترجمة أبى الدرداء عويمر ﵁ أنه كان يسبح فى اليوم مائة ألف تسبيحة ، وذكر أيضا عن سلمة بن شبيب قال : كان خالد بن معدن يسبح فى اليوم أربعين ألف تسبيحة سوى ما يقرأ فلما وضع ليغسل جعل بأصبعه كذا يحركها – يعنى بالتسبيح – ومن المعلوم المحقق أن المائة ألف بل والأربعين ألفا وأقل من ذلك لا يحصر بالأنامل فقد صح بذلك وثبت أنهما كانا يعدان بآلة ، والله أعلم .

Al-Hafiz Abdul Ghani menyebutkan di dalam *"al-Kamal"* ketika menceritakan biodata Abu Darda' Uwaimir ﷺ bahawasanya dia bertasbih setiap hari sebanyak 100 ribu kali. Diriwayatkan juga daripada Salamah Bin Syabib beliau berkata: Khalid Bin Ma'dan[18] bertasbih pada setiap hari sebanyak 40 ribu kali tidak termasuk bacaan al-Qurannya, maka ketika mana jenazahnya diletak untuk dimandikan, jarinya tergerak-gerak iaitu seolah-olah bertasbih. Maka di antara perkara yang telah diketahui secara pasti bilangan 100 ribu dan begitu juga 40 ribu serta yang lebih kurang daripada itu tidak dapat dihitung menggunakan jari. Jadi telah jelas dan pasti perkara tersebut bahawa mereka berdua menghitung menggunakan alatan. Wallahu a'lam.

وكان لأبى مسلم الخولانى رحمة الله عليه سبحة فقام ليلة والسبحة فى يده قال : فاستدارت السبحة فالتفت على ذراعه وجعلت تسبح فالتفت أبو مسلم والسبحة تدور فى ذراعه وهى تقول سبحانك يا منبت النبات ويا دائم الثبات قال : هلمى يا أم مسلم فانظرى إلى أعجب الأعاجيب قال : فجاءت أم مسلم والسبحة تدور وتسبح فلما جلست سكنت ، ذكره أبو القاسم هبة الله بن الحسن الطبرى فى كتاب كرامات الأولياء .

وقال الشيخ الإمام العارف عمر البزار : كانت سبحة الشيخ أبى الوفا كاكيش – وبالعربى عبد الرحمن – التى أعطاها لسيدى الشيخ محيى الدين عبد القادر الكيلانى قدس الله أرواحهم إذا وضعها على الأرض تدور وحدها حبة حبة .

Abu Muslim al-Khaulani[19] رَحِمَهُ ٱللَّهُ memiliki seutas tasbih, maka ketika beliau bangun pada suatu malam dan tasbih itu berada di tangan beliau, kemudian tasbih tadi berputar[20] dan beralih ke lengannya seolah-olah bertasbih, maka Abu Muslim berpusing manakala tasbih itu masih berputar di lengannya sambil berkata-kata: *Maha suci Engkau wahai Yang menumbuhkan tumbuh-tumbuhan wahai Yang terus kekal.* Abu Muslim kemudian berkata: Mari ke sini wahai Ummu Muslim lihatlah kepada perkara yang paling ajaib daripada perkara-perkara ajaib. Lalu Ummu Muslim pun datang dan tasbih tadi masih berputar dan bertasbih, maka setelah Ummu Muslim duduk tasbih itu pun diam. Cerita ini disebutkan oleh Abu al-Qasim Hibbatullah bin al-Hasan at-Tobari di dalam kitab *"karamat al-Auliyak".*

As-Syaikh al-Imam al-Arif Umar al-Bazzar menyebutkan: Tasbih milik as-Syaikh Abu al-Wafa' Kakish –dan nama beliau dalam sebutan Arab Abdul Rahman- yang beliau berikannya kepada Sayyidi as-Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir al-Kailani[21] -*qaddasallahu arwahahum*- apabila diletakkan di atas bumi, tasbih itu akan berputar sendiri sebiji demi sebiji.

وذكر القاضى أبو العباس أحمد بن خلكان فى وفيات الأعيان أنه رؤى فى يد أبى القاسم الجنيد بن محمد رحمه الله يوما سبحة فقيل له : أنت مع شرفك تأخذ بيدك السبحة ؟ قال : طريق وصلت به إلى ربى لا أفارقه قال : وقد رؤيت فى ذلك حديثا مسلسلا – وهو ما أخبرنى به شيخنا الإمام أبو عبد الله محمد بن أبى بكر بن عبد الله من لفظه – ورأيت فى يده سبحة قال : أنا الإمام أبو العباس أحمد بن أبى المحاسن يوسف بن البانياسى بقراءتى عليه ورأيت فى يده سبحة قال : أنا أبو المظفر يوسف بن محمد بن مسعود الترمذى ورأيت فى يده سبحة قال قرأت على شيخنا أبى الثناء ورأيت فى يده سبحة قال :

Al-Qadi Abu al-Abbas Ahmad bin Khilkan menyebutkan di dalam *"wafayat al-A'yan"* bahawasanya telah dilihat pada tangan Abu al-Qasim al-Junaid bin Muhammad[22] رحمه الله pada suatu hari terdapat seutas tasbih, maka dikatakan kepadanya: Engkau dengan kemuliaan engkau masih memegang tasbih? Beliau kemudian menjawab: Ini adalah salah satu jalan yang menyebabkan aku sampai kepada Tuhan ku, aku tidak akan berpisah dengannya. Beliau berkata lagi: sesungguhnya aku telah meriwayatkan pada perkara tersebut sebuah hadis *musalsal*[23]*;* iaitu apa yang telah diriwayatkan kepada aku oleh guru kami al-Imam Abu Abdillah Muhammad bin Abi Bakr bin Abdillah daripada lafaznya, dan aku melihat pada tangannya seutas tasbih, dia berkata: telah meriwayatkan kepada kami al-Imam Abu al-Abbas Ahmad bin Abi al-Mahasin Yusuf bin al-Banyasi beserta dengan bacaanku kepadanya, aku melihat pada tangannya tasbih, dia berkata: telah meriwayatkan kepada kami Abu al-Mazfar Yusuf Bin Muhammad Bin Mas'ud at-Tirmizi dan aku melihat di tangannya terdapat tasbih, dia berkata: aku mengaji dengan guru kami Abu as-Sana' dan aku melihat di tangannya ada tasbih, dia berkata:

أنا عبد الصمد بن أحمد بن عبد القادر ورأيت فى يده سبحة قال : أنا أبو محمد يوسف بن أبى الفرج عبد الرحمن بن على ورأيت فى يده سبحة قال : أنا أبى ورأيته فى يده سبحة قال : قرأت على أبى الفضل بن ناصر ورأيت فى يده سبحة قال : قرأت على أبى محمد عبد الله بن أحمد السمرقندى ورأيت فى يده سبحة قلت له : سمعت أبا بكر محمد بن على السلمى الحداد ورأيت فى يده سبحة ؟ فقال : نعم قال : ورأيت أبا نصر عبد الوهاب بن عبد الله بن عمر المقرى ورأيت فى يده سبحة قال : رأيت أبا الحسن على بن الحسن بن أبى القاسم المترفق الصوفى وفى يده سبحة قال : سمعت أبا الحسن المالكى يقول : وقد رأيت فى يده سبحة فقلت له : يا أستاذ وأنت إلى الآن مع السبحة ؟ فقال :

Telah meriwayatkan kepada kami Abdus Somad bin Ahmad bin Abdul Qadir dan aku melihat di tangannya ada tasbih, dia berkata: telah meriwayatkan kepada kami Abu Muhammad Yusuf bin Abi al-Faraj Abdil Rahman bin Ali dan aku melihat di tangannya ada tasbih, dia berkata: telah meriwayatkan kepada kami bapaku dan aku melihat di tangannya ada tasbih, dia berkata: aku mengaji dengan Abu al-Fadl bin Nasir dan aku melihat di tangannya ada tasbih, dia berkata: aku mengaji dengan Abu Muhammad Abdullah bin Ahmad as-Samarqandi dan aku melihat di tangannya ada tasbih, aku berkata kepadanya: aku meriwayatkan daripada Abu Bakar Muhammad bin Ali as-Sulami al-Haddad dan aku melihat di tangannya ada tasbih? Maka beliau menjawab: Ya benar. Beliau kemudian berkata: aku melihat Abu Nasr Abdul Wahab bin Abdullah bin Umar al-Muqri dan aku melihat di tangannya ada tasbih, dia berkata: Aku melihat Abu al-Hasan Ali bin al-Hasan bin Abu al-Qasim al-Mutaraffiq as-Sufi dan di tangannya ada tasbih, dia berkata: Aku mendengar Abu al-Hasan al-Maliki berkata: Aku melihat di tangannya terdapat tasbih, maka aku berkata kepadanya: Wahai tuan guru, engkau sampai sekarang masih menggunakan tasbih?

كذلك رأيت أستاذى الجنيد وفى يده سبحة فقلت له : يا أستاذ أنت مع السبحة ؟ قال : كذلك رأيت أستاذى سرى بن مغلس السقطى وفى يده سبحة فقلت : يا أستاذ أنت مع السبحة ؟ فقال : كذلك رأيت أستاذى معروف الكرخى وفى يده سبحة فسألته عما سألتنى عنه فقال : كذلك رأيت بشر الحافى وفى يده سبحة فسألته عما سألتنى عنه فقال : كذلك رأيت أستاذى عمر المالكى وفى يده سبحة فسألته عما سألتنى عنه فقال : كذلك رأيت أستاذى الحسن البصرى وفى يده سبحة فقلت : يا أستاذ مع عظم شأنك وحسن عبادتك وأنت إلى الآن مع السبحة؟

Maka dia menjawab: Beginilah sepertimana aku telah melihat guru ku al-Junaid dan di tangannya ada tasbih, maka aku katakan kepadanya: Wahai tuan guru, engkau masih menggunakan tasbih? Lalu dia berkata: beginilah sepertimana yang aku telah melihat guruku Sirri bin Mughallis as-Saqoti[24] dan di tangannya ada tasbih, maka aku berkata kepadanya: wahai tuan guru, engkau masih menggunakan tasbih? Maka dia berkata: beginilah aku melihat guru ku Ma'ruf al-Karkhi[25] dan di tangannya ada tasbih, maka aku bertanya kepadanya sepertimana engkau bertanya kepadaku mengenai perkara tersebut, maka dia berkata: beginilah aku melihat Bisyru al-Hafi[26] dan ada di tangannya tasbih, kemudian aku bertanya kepadanya sepertimana yang engkau tanyakan kepadaku, maka dia menjawab: beginilah aku melihat guruku Umar al-Maliki dan di tangannya ada tasbih, kemudian aku bertanya kepadanya sepertimana yang engkau tanyakan kepadaku, maka dia menjawab: beginilah aku melihat guruku al-Hasan al-Basri[27] dan di tangannya ada tasbih, kemudian aku berkata: wahai tuan guru, tuan dengan kebesaran tuan dan kehebatan ibadat tuan! Tuan masih bersama tasbih?

فقال لى : شيء كنا استعملناه فى البدايات ما كنا نتركه فى النهايات ، أحب أن أذكر الله بقلبى وفى يدي ولسانى .

فلو لم يكن فى اتخاذ السبحة غير موافقة هؤلاء السادة والدخول فى سلكهم والتماس بركتهم لصارت بهذا الاعتبار (من أهم الأمور) وآكدها فكيف بها وهى مذكرة بالله تعالى لأن الإنسان قل أن يراها إلا ويذكر الله وهذا من أعظم فوائدها وبذلك كان يسميها بعض السلف رحمه الله تعالى، ومن فوائدها أيضا الاستعانة على دوام الذكركلما رآها ذكر أنها آلة للذكر فقاده ذلك إلى الذكر ، فيا حبذا سبب موصل إلى دوام ذكر الله عز وجل ، وكان بعضهم يسميها حبل الوصل ، وبعضهم رابطة القلوب .

Maka beliau berkata kepadaku: *Ini adalah sesuatu yang telah kami gunakannya ketika permulaan (jalan menuju Allah), kami tidak akan tinggalkannya pada pengakhiran, aku suka untuk mengingati Allah dengan hatiku, tangan serta lidahku.*

Sekiranya tidak ada apa-apa keistimewaan pada tasbih kecuali meniru para ulama dan tokoh-tokoh ini dan masuk di dalam cara ibadat mereka serta mengharapkan keberkatan mereka, nescaya dengan pertimbangan ini merupakan sepenting-penting perkara dan paling dituntut. Bagaimana tidak, tasbih merupakan pengingat kepada Allah Taala kerana manusia apabila melihatnya melainkan dia akan mengingati Allah. Inilah di antara sebesar-besar faedahnya. Disebabkan perkara itulah sebahagian *Salaf* رَحِمَهُمُ اللّٰهُ menamakannya[28]. Di antara daripada faedah tasbih juga, penolong kepada berterusan dengan zikir, setiap kali seseorang melihatnya dia akan teringat bahawa tasbih adalah satu alat untuk berzikir, lalu perkara tersebut akan membimbingnya untuk berzikir. Alangkah baiknya satu sebab yang menyambung untuk berterusan mengingati Allah عَزَّوَجَلَّ. Sesetengah mereka menamakannya sebagai "tali penyambung", dan sebahagian yang lain menamakannya "pengikat hati".

وقد أخبرنى من أثق بقوله : إنه كان مع قافلة فى درب بيت المقدس فقام عليهم سرية عرب وجردوا القافلة جميعهم وجردونى معهم ، فلما أخذوا عمامتى سقطت مسبحة من رأسى فلما رأوها قالوا : هذا صاحب سبحة فردوا على ما كان أخذ لى وانصرفت سالما منهم فانظر يا أخى إلى هذه الآلة المباركة الزاهرة وما جمع فيها من خيري الدنيا والآخرة ، ولم ينقل عن أحد من السلف ولا من الخلف المنع من جواز عد الذكر بالسبحة بل كان أكثرهم يعدونه بها ولا يرون ذلك مكروها

Telah meriwayatkan kepada aku seorang yang aku mempercayai kata-katanya; bahawasanya pada suatu hari dia bersama dengan satu kafilah di dalam perjalanan menuju Baitul Maqdis. Kemudian datang kepada mereka sekumpulan perompak, mereka menyerbu kafilah itu dan mereka turut merampas daripadaku yang berada di dalam kafilah itu. Maka ketika mereka mengambil serbanku gugur seutas tasbih daripada kepalaku, apabila mereka melihat tasbih itu mereka berkata: lelaki ini pemilik tasbih. Lalu mereka mengembalikan apa yang mereka telah ambil daripadaku. Aku kemudiannya beredar dalam keadaan terselamat daripada mereka. Lihatlah wahai saudaraku kepada benda yang mempunyai berkat lagi bercahaya ini, dan apa yang terhimpun padanya kebaikan dunia dan akhirat. Tidak diriwayatkan seorang pun daripada golongan *salaf* dan tidak juga daripada golongan *khalaf*[29] larangan daripada menghitung zikir menggunakan tasbih, bahkan kebanyakan mereka menghitung zikir menggunakannya dan mereka tidak melihat perkara tersebut sebagai makruh.

وقد رؤي بعضهم يعد تسبيحا فقيل له : أتعد على الله ؟ فقال : لا ولكن أعد له ، والمقصود أن أكثر الذكر المعدود الذى جاءت به السنة الشريفة لا ينحصر بالأنامل غالبا ولو أمكن حصره لكان الاشتغال بذلك يذهب الخشوع وهو المراد والله أعلم .

Sesungguhnya telah dilihat seorang daripada mereka menghitung dengan biji tasbihnya, maka dikatakan kepadanya: Adakah kamu mengira-ngira amalan kepada Allah? maka dia menjawab: Tidak, akan tetapi aku membayar hutang kepada-Nya[30]. Apa yang hendak dimaksudkan ialah sebanyak-banyak bilangan zikir yang perlu dihitung berdasarkan sunnah yang mulia tidak akan mampu dihitung menggunakan jari secara kebiasaannya, kalaulah mampu dihitung sekali pun nescaya perbuatan tersebut akan menghilangkan khusyuk sedangkan ianya merupakan suatu yang dikehendaki. Wallahu a'lam.

وأخرج ابن عساكر فى تاريخه عن بكر بن خنيس عن رجل سماه قال : كان فى يد أبى مسلم الخولانى سبحة يسبح بها قال : فقام والسبحة فى يده فاستدارت السبحة فالتفت على ذراعه وجعلت تسبح فالتفت أبو مسلم والسبحة تدور فى ذراعه وهى تقول : سبحانك يا منبت النبات ويادائم الثبات فقال : هلمى يا أم مسلم وانظرى إلى أعجب الأعاجيب فجاءت أم مسلم والسبحة تسبح فلما جلست سكنت ، وقال عماد الدين المناوى فى سبحة :

ومنظومة الشمل يخلو بها اللبيب # فتجمع من همته

إذا ذكر الله جعل اسمه #عليها تفرق من هيبته

Ibnu 'Asakir telah meriwayatkan di dalam kitab *tarikh*nya daripada Bakar Bin Khanis, daripada seorang lelaki yang dikenalinya, dia berkata: Terdapat di tangan Abu Muslim al-Khaulani seutas tasbih dan beliau bertasbih menggunakannya. Beliau berkata: Maka ketika beliau bangun dan tasbih itu berada di tangan beliau, kemudian tasbih tadi berputar dan beralih ke lengannya seolah-olah bertasbih, maka Abu Muslim berpusing manakala tasbih itu masih berputar di lengannya sambil berkata-kata: *Maha Suci Engkau wahai Yang menumbuhkan tumbuh-tumbuhan wahai Yang terus kekal*. Abu Muslim kemudian berkata: Mari ke sini wahai Ummu Muslim lihatlah kepada perkara yang paling ajaib daripada perkara-perkara ajaib. Lalu Ummu Muslim pun datang dan tasbih tadi masih berputar dan bertasbih, maka setelah Ummu Muslim duduk tasbih itu pun duduk diam.

Berkata I'maduddin al-Munawi[31] mengenai tasbih:

Biji-bijian disusun menjadi tasbih, apabila seorang yang pintar berkhalwat dengannya nescaya urusannya akan terhimpun (khusyuk),

Jika dia mengingati Allah, akan tercantumlah nama-Nya di atas tasbih sehingga dia (si cerdik) ketakutan dengan pengaruhnya (menerangkan tasbih berputar)

BIBLIOGRAFI

1. Rasail Hammah wa Mabahis Qaiyimah, susunan Syeikh Muhammad Nuruddin Bin Marbu al-Banjari al-Makki, cetakan al-Qudsi.
2. Al-Hawi lil Fatawa, karangan Imam as-Suyuti, cetakan Darul Fikr.
3. Mu'jam al-Ma'ajim wal Masaykhat susunan Dr. Yusuf Abdul Rahman al-Ma'arli, cetakan Maktabah ar-Rusyd
4. Kitabut Tazkirah li Ma'rifati Rijalil Kutubil A'syarah karangan Abul Mahasin Muhammad Bin Ali al-'Alawi al-Husaini, ditahkik oleh Dr. Raf'at Fauzi Abdul Mutalib, cetakan Maktabah al-Khanji Kaherah.
5. Syarah Nukhbatul Fikar fi Mustalahi Ahlil Astar karangan al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani, cetakan Darul Masyari'.
6. Syarah Manzumah Baiquniah fi Mustalahil Hadis karangan Abdullah Sirajuddin cetakan Maktabah Darul Falah.
7. Mu'jam Wajiz susunan Majmak Lughah Arabiah, cetakan Wizarah at-Tarbiah wat Ta'lim.
8. Ar-Risalah al-Qusyairiah karangan al-Imam Abu al-Qasim al-Qusyairi an-Nasaiburi as-Syafie, ditahkik al-Imam Syaikhul Azhar Dr. Abdul Halim Mahmud, cetakan Muassasah Darul Sya'bi.
9. At-Tobaqat al-Kubra karangan al-Imam Abu al-Mawahib Abdul Wahab Bin Ahmad as-Sya'rani, cetakan Darul Kutub Ilmiah.

10. Tuhfatul Ahwazi syarah Sunan Tirmizi, karangan al-Imam al-Hafiz Abu al-'Ula Muhammad Abdul Rahman Ibnu Abdil Rahim al-Mubakafuri, cetakan Darul Hadis.
11. Al-A'lam susunan Khairuddin az-Zirikli, cetakan Darul Ilmi Lilmalayin.
12. Al-Mu'in 'Ala Ma'rifatir Rijalil Mazkurin Fi Kitabil Arba'in Lin Nawawi, karangan al-Allamah Muhammad Ali Bin 'Allan al-Makki as-Syafie, cetakan Darul Basyair.
13. Bustanul 'Arifin karangan Imam Nawawi, ditahkik oleh Syeikh Muhammad Nuruddin Marbu.

CATATAN HUJUNG

[1] Risalah ini merupakan salah satu bahagian di dalam kitab *'al-Hawi lil Fatawa'* karangan Imam as-Suyuti sendiri.

[2] **Athar** ialah: Apa yang disandarkan (dinisbahkan) kepada para sahabat atau tabiin sama ada daripada bentuk perkataan atau perbuatan.

[3] **Hadis Sahih**: hadis yang bersambung sanadnya dengan perawi yang *adil* lagi *dhabit* daripada perawi yang seumpama dengannya dan terselamat daripada sebarang cacat cela. *Adil* ialah seorang perawi yang Islam, baligh, berakal serta terhindar daripada melakukan perbuatan jahat dan yang menjatuhkan maruah. *Dhabit* bermaksud seseorang perawi itu dapat memelihara apa yang dia riwayatkan sama ada dengan ingatan yang baik dan dapat mendatangkan hadis itu apabila diperlukan atau dengan cara dia menulis hadis itu dan memeliharanya.

[4] ***Tasbih:*** سبحان الله
***Tahlil*:** لا اله الا الله
Taqdis: *سبحان الملك القدوس* atau *سبوح قدوس رب الملائكة و الروح*

[5] Apa yang dimaksudkan di sini adalah; janganlah kalian lalai daripada berzikir kepada Allah yang menyebabkan kalian akan meninggal sebab-sebab yang membawa kepada kebaikan. Seperti di dalam hadis yang sama yang diriwayatkan oleh Imam Tirmizi tetapi dengan menggunakan perkataan *ar-rahmah*:

و لا تغفلن فتنسين الرحمة

"..janganlah kalian lalai yang menyebabkan kalian akan meninggalkan rahmat"

[6] Beliau adalah Ummul Mukminin Sofiah binti Huyai bin Akhtab, berasal daripada bangsa Israil. Berkahwin dengan Nabi ﷺ selepas peperangan Khaibar. Merupakan seorang yang amat kuat beribadat. Meninggal dunia pada tahun 36 Hijrah.

[7] Berkata al-Imam al-Hafiz al-Mubarkafuri di dalam kitabnya *Tuhfatul Ahwazi* syarah kepada Sunan Tirmizi; Telah berkata al-Qari: Hadis ini adalah dalil yang jelas untuk mengharuskan penggunaan tasbih dengan sebab ikrar (pengakuan) Nabi ﷺ.

[8] **Hadis Hasan:** Hadis yang bersambung sanadnya dengan perawi yang *adil* lagi *dhabit* akan tetapi *dhabit*nya lebih lemah daripada *dhabit* hadis *sahih*, dan terselamat daripada cacat cela. (lihat nota kaki no 3)

[9] Beliau adalah Fatimah binti al-Husain bin Ali bin Abi Talib, merupakan cicit kepada Rasulullah ﷺ dan seorang tabiin. Banyak meriwayatkan hadis Nabi ﷺ. Meninggal dunia pada tahun 110 Hijrah.

[10] Nama sebenar beliau ialah Abdul Rahman Bin Shakr. Merupakan salah seorang daripada sahabat Nabi ﷺ, memeluk Islam ketika peperangan *Khaibar*. Merupakan Ulama daripada kalangan sahabat dan yang paling banyak meriwayatkan hadis Nabi ﷺ. Lebih daripada 800 orang perawi telah meriwayatkan hadis daripada beliau. Meninggal pada tahun 57 H.

Di sini Imam Suyuti sengaja menyebut beberapa contoh perbuatan para sahabat sebagai menyokong bahawa penggunaan tasbih adalah suatu perkara yang tidak salah. Para sahabat adalah benar (adil) semuanya, berkata Imam Ibnu as-Solah di dalam kitab *Muqaddimah*nya: "Bagi para sahabat keseluruhannya mempunyai keistimewaan iaitu tidak dipersoalkan tentang keadilan (kebenaran dan kebaikan) setiap seorang daripada mereka, bahkan perkara tersebut

adalah jelas kerana mereka secara umumnya telah dikatakan adil berdasarkan al-Quran, Sunnah dan Ijmak (kesepakatan) ulama yang diambil kira ijmak mereka.

Ayat al-Quran yang menunjukkkan kelebihan para sahabat adalah terlalu banyak antaranya firman Allah Ta'ala yang bermaksud: *"Muhammad itu adalah utusan Allah dan orang-orang yang bersama dengan dia adalah bersikap keras terhadap orang-orang kafir, tetapi berkasih sayang sesama mereka; kamu lihat mereka rukuk dan sujud mencari kurnia Allah dan keredhaan-Nya, tanda-tanda mereka tampak jelas pada muka mereka dari bekas sujud. Demikianlah sifat-sifat mereka dalam Taurat dan Injil…*(surah al-Fath ayat: 29)

Sabda Nabi ﷺ:

خير أمتى القرن الذي بعثت فيه ثم الذين يلونهم ثم الذين يلونهم . رواه مسلم

"Sebaik-baik umatku adalah (mereka yang hidup) pada kurun yang aku diutuskan padanya, kemudian mereka yang hidup pada kurun yang berikutnya dan kemudian mereka yang hidup pada kurun yang berikutnya."

[11] Nama sebenar beliau 'Amir bin Zaid bin Qais al-Ansari al-Khazraji, merupakan salah seorang daripada sahabat Nabi ﷺ, memeluk Islam semasa peperangan Badar. Dilantik menjadi Qhadi di Damsyik semasa pemerintahan Uthman bin Affan رضي الله عنه. Meninggal pada tahun 32 H.

[12] Maksud biji kurma yang berwarna hitam dan putih (المجزع) adalah; sesuatu yang dikikis sebahagiannya sehingga berwarna putih dan ditinggalkan bahagian yang lain dengan warna yang asal, maka kesemuanya akan mempunyai warna hitam dan putih.

[13] **Hadis Marfu':** hadis yang disandarkan kepada Nabi ﷺ sama ada berbentuk perkataan, perbuatan, *takrir* (akuan atau setuju) atau sifat baginda.

[14] Beliau adalah Sa'd Bin Malik bin Sinan al-Ansori, salah seorang daripada sahabat Nabi ﷺ. Merupakan Ulama daripada golongan sahabat dan beliau di antara sahabat yang membai'ah (mengikat janji setia) semasa bai'ah *Ridhwan*. Peperangan pertama beliau ialah perang *Khandak* dan telah menyertai sebanyak 12 peperangan bersama Rasulullah ﷺ. Meninggal pada tahun 74 Hijrah.

[15] Beliau adalah al-Imam Ibrahim bin Yazid bin Qais an-Nakha'ie al-Kufi. Merupakan seorang tabiin, pernah bertemu dengan ramai daripada pada sahabat serta pernah melihat Ummul Mukminin Aisyah. Merupakan faqih Kufah dan muftinya serta mempunyai mazhab sendiri. Meninggal pada tahun 96 Hijrah ketika berusia 49 tahun.

[16] Nama sebenar beliau al-Imam Jalaluddin Abu al-Fadl Abdul Rahman bin Umar bin Ruslan al-Bulqini as-Syafie. Merupakan seorang qadhi pada zamannya dan bermazhab Syafie. Lahir pada tahun 724 H dan meninggal pada 762H.

[17] Lihat hadis pada muka surat 8.

[18] Beliau adalah Khalid bin Ma'dan bin Abi Karab al-Kala'ie. Merupakan seorang tabiin, pernah bertemu dengan tidak kurang daripada 70 orang sahabat Rasulullah ﷺ. Merupakan salah seorang daripada Fuqahak Syam. Meninggal pada tahun 104 Hijrah.

[19] Beliau adalah Abu Muslim Abdullah bin Thuwab, berasal dari Yaman. Merupakan salah seorang pembesar tabiin, diceritakan bahawa beliau telah datang menuju ke Madinah untuk bertemu

Rasulullah ﷺ akan tetapi Rasulullah ﷺ wafat ketika beliau di dalam perjalanan. Berkata Syeikh Abdul Wahab as-Sya'rani: Beliau (Abu Muslim) ini telah berada di dalam sebanyak-banyak ibadah sehingga jika dikatakan kepada beliau sesungguhnya api neraka akan dinyalakan, nescaya dia tidak dapat lagi untuk menambah amalan beliau (takutnya pada api neraka tidak akan mampu menambah amalan kepada Allah kerana amalan sudah penuh dilakukan 24 jam). Meninggal pada zaman pemerintahan Mu'awiyah رضي الله عنه.

Seterusnya Imam Suyuti menyebut beberapa contoh para *salafussoleh* yang mereka ini menggunakan tasbih. Mereka ini adalah mereka-mereka yang telah diterima oleh umat Islam sejak sekian lamanya, bahkan mereka ini adalah ulama yang diambil ilmu daripada mereka. Hampir mustahil ulama-ulama ini tidak mengenal manakah yang benar dan manakah yang salah.

[20] Peristiwa di atas merupakan karamat yang ada pada para wali Allah. Karamat adalah: perkara mencarik adat yang berlaku pada orang yang bukan fasik. Mazhab Ahli Sunnah berpendapat wujud karamat bagi para wali. Imam al-Qusyairi menyebut bahawa di dalam "Risalahnya": "zahirnya karamat adalah menunjukkan kebenaran seseorang yang berada di dalam ahwalnya (yang baik). Maka sesiapa yang tidak benar (baik budi pekerti) tidak akan berlaku perkara yang sama kepadanya.

[21] Beliau ialah Abdul Qadir bin Musa bin Abdillah Muhyiddin al-Jailani atau al-Kailani atau al-Jaili. Dilahirkan sekitar tahun 470 Hijrah di Jailan dan kemudiannya berpindah ke Baghdad semasa usia remaja. Beliau merupakan seorang faqih dan alim yang hebat, mahir dalam ilmu syariat dan hakikat. Meninggal pada tahun 561 Hijrah dan dikebumikan di Baghdad.

[22] Beliau ialah Abu al-Qasim al-Junaid bin Muhammad, dilahirkan di Iraq. Belajar dengan Abu Thaur seorang anak murid Imam Syafie. Seorang faqih mazhab Syafie, memberikan fatwa kepada orang ramai.

Ulama menggelar beliau sebagai ketua kepada tasawuf. Meninggal pada hari Sabtu tahun 297 hijrah.

[23] **Hadis Musalsal:** Hadis yang diriwayatkan oleh perawi-perawi yang setiap perawi meriwayatkan dengan cara yang sama atau di dalam keadaan yang sama.

[24] Beliau adalah Sarri bin al-Mughallis as-Saqoti. Merupakan Imam penduduk Baghdad dan guru mereka pada zamannya. Berguru dengan Ma'ruf al-Karkhi. Seorang wali Allah yang kuat beribadat sehingga diriwayatkan bahawa beliau tidak pernah tidur berbaring sejak 98 tahun melainkan ketika beliau sakit sebelum beliau meninggal. Meninggal pada tahun 253 Hijrah. Beliau pernah berkata: Aku lebih suka untuk mati di bumi selain Baghdad. Kemudian ditanya kepadanya: kenapa begitu. Lalu beliau menjawab: Aku takut kuburku tidak akan menerima aku, maka aku akan dikenali.

[25] Beliau adalah Ma'ruf bin Fairuz al-Karkhi, dilahirkan di Baghdad. Terkenal dengan seorang yang mustajab doanya dan digelar kubur beliau sebagai penawar yang mujarab (lihat Risalah Qusayriah). Meninggal pada tahun 200 hijrah.

[26] Beliau adalah al-Imam az-Zahid al-Muhaddis al-Faqih Abu Nasr Bisyr bin al-Haris bin Abdil Rahman. Dilahirkan pada tahun 150 Hijrah di Marwa, kemudian menetap di Baghdad dan belajar dengan ramai guru di sana. Ramai daripada Ulama-ulama besar meriwayatkan hadis daripada beliau, di antaranya Imam Ahmad Bin Hanbal, Zuhir Bin Harb dan lain-lain lagi. Terkenal dengan kewalian, meninggal pada tahun 227 Hijrah.

[27] Beliau adalah Hasan Bin Yasar al-Basri. Dilahirkan di Madinah pada tahun 21 Hijrah, merupakan salah seorang tabiin. Semasa kecil beliau banyak bersama dengan Ummul Mukminin Ummu Salamah. Salah seorang Ulama serta Fuqaha dan Imam kepada penduduk Kufah pada

zamannya, petah dalam berbicara. Meninggal dunia pada tahun 110 Hijrah.

[28] Iaitu menamakan tasbih sebagai "pengingat" dan seumpamanya.

[29] **Khalaf:** mereka yang hidup setelah 500 hijrah. Pendapat ke-2 mengatakan; mereka yang hidup setelah kurun ke-3 hijrah.
Salaf: mereka yang hidup sebelum daripada tahun 500 hijrah. Pendapat ke-2 mengatakan; mereka yang hidup sebelum kurun ke-3 hijrah iaitu para sahabat, tabiin dan tabi' tabiin.

[30] Menghitung zikir bukan untuk 'berkira-kira' terhadap Allah, akan tetapi seolah-olah untuk membayar kepada-Nya terhadap nikmat yang telah dikurniakan dan melaksanakan zikir yang disuruh.

[31] Beliau adalah Yahya bin Muhammad bin Muhammad al-Munawi, lahir pada tahun 798 Hijrah. Seorang faqih Syafie, tinggal di Kaherah, Mesir. Merupakan seorang Qadhi di Kaherah. Meninggal pada tahun 871 Hijrah.